

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI
TINGKATAN SATU
UNIT 7: KUCINGKU SAYANG

ARAHAN: BACA PETIKAN DAN ISI TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL.

Baca dan fahami petikan di bawah.



Munchkin Kucing Unik

Kucing Munchkin ialah spesies kucing yang unik. Keunikannya terletak pada kakinya yang pendek serta bulunya yang cantik dan gebu. Walaupun kucing Munchkin berkaki pendek, pergerakannya aktif seperti kucing biasa. Kucing Munchkin juga suka bermain dan mengejar alat permainan.

Kucing ini telah mengalami perubahan genetik secara semula jadi. Tulang belakangnya berbeza daripada kucing lain. Apabila kucing Munchkin duduk, kaki belakangnya sama seperti kedudukan kaki arnab yang sedang duduk. Kucing ini tergolong dalam spesies kucing terkecil di dunia.

Keunikan kucing Munchkin menyebabkan nilainya tinggi di pasaran sehingga mencecah ribuan ringgit. Oleh itu, mereka yang memiliki kucing Munchkin pasti berasa bangga.



1. Keunikan Kucing Munchkin adalah berkaki _____ serta bulunya cantik dan _____ .
2. Walaupun kucing Munchkin berkaki pendek, pergerakannya _____ seperti kucing biasa.
3. Kucing Munchkin juga suka _____ dan _____ alat permainan.
4. Kucing ini mengalami perubahan _____ secara semula jadi. Tulang belakangnya _____ dengan kucing lain.
5. Apabila kucing Munchkin duduk, kaki belakangnya sama seperti kedudukan kaki _____ yang sedang duduk.
6. Kucing ini tergolong dalam spesies kucing _____ di dunia.
7. Keunikan kucing Munchkin menyebabkan nilainya _____ di pasaran sehingga mencecah _____ ringgit.
8. Mereka yang memiliki kucing Munchkin pasti rasa _____ .